



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

08 Jamadilawal 1443 / 13 Disember 2021

- I. Pada hari ini, Isnin 08 Jamadilawal 1443H bersamaan 13 Disember 2021M, sebanyak **14 kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan yang membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 15,362 orang**.
 - i. Terdapat **tambahan 8 kes baru** kepada 4 kluster aktif yang sedia ada pada hari ini yang merupakan kontak terdekat kepada beberapa kes positif sebelumnya.
 - ii. Sementara itu, **satu kluster baru** telah dikenalpasti yang melibatkan **3 kes**. Kluster ini adalah kluster rumah persendirian.
 - iii. Sebagaimana yang tertera di skrin sekarang, **3 kluster telah ditutup** setelah tidak ada kes dikesan di dalam kluster berkenaan selama 28 hari. Oleh yang demikian, jumlah kluster yang aktif adalah **97 kluster**.

(Skrin: Kluster 14125, Kluster KSAKB Construction staff house dan Kluster HHY Construction).

- iv. Manakala, terdapat **3 kes baru yang masih dalam siasatan bagi mengenalpasti sumber jangkitan.**
2. **36 kes telah disahkan sembuh** pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada **15,009 kes** manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak **253 kes.**
 3. Di kalangan kes-kes yang sedang ada dalam rawatan sekarang, **satu (01) kes adalah dalam Kategori 5** yang sedang dirawat di Unit Rawatan Intensif dan memerlukan bantuan mesin pernafasan (*artificial ventilation*) serta bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)*. Sementara itu, **tidak ada kes yang dikategorikan dalam Kategori 4.**
 4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **1,406** sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **665,433** ujian.
 5. Pada **12 Disember 2021**, sebanyak **3,132** orang telah menerima suntikan vaksin COVID-19 termasuk **3,065** orang di kalangan remaja berumur 12-17 tahun. Dengan itu, jumlah orang yang menerima satu dos vaksin COVID-19 ialah **404,959 orang iaitu 94.2%** daripada jumlah penduduk negara. Manakala **381,720** orang

telah melengkapkan dua dos vaksin COVID-19 iaitu **88.8%** daripada jumlah penduduk negara.

6. Sementara itu, sebagai kesinambungan kepada pemberian dos ketiga bagi petugas barisan hadapan pada 15 Oktober 2021 dan bagi orang-orang yang berumur 50 tahun ke atas pada 25 November 2021, serta berikutan pengumuman oleh Jawatankuasa Pandu COVID-19 pada Sidang Media kelmarin mengenai pemberian dos ketiga bermula **hari Jumaat, 17 Disember 2021**, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa pemberian dos ketiga ini akan mula diberikan kepada orang-orang yang berumur 18 tahun ke atas dan telah melengkapkan dua dos vaksinasi dengan syarat tempoh 3 bulan telah berlalu sejak dos kedua diterima, tanpa mengira jenis vaksin yang telah diterima. Perubahan tempoh jangkamasa ini adalah berikutan penilaian Jawatankuasa Teknikal Vaksinasi yang mendapati dua dos vaksinasi COVID-19 berkemungkinan tidak memberikan perlindungan yang memadai kepada varian *Omicron* dan dos ketiga perlu diberikan sekurang-kurang tiga bulan selepas dos kedua diterima untuk meningkatkan perlindungan vaksinasi terhadap ancaman varian tersebut.

Pemberian dos ketiga ini adalah secara *walk-in* di mana-mana pusat-pusat vaksinasi. Sementara itu, bagi mereka yang ingin membuat

tempahan vaksinasi dos ketiga melalui aplikasi *BruHealth*, tempahan akan mula dibukakan pada penghujung bulan Disember 2021. Orang ramai adalah digalakkan untuk mendapatkan dos ketiga vaksin COVID-19 untuk memastikan perlindungan maksima boleh diperolehi.

7. Seterusnya, untuk memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai keberadaan kes-kes positif yang dikesan di negara ini, Kementerian Kesihatan ingin mengongsikan sedikit hasil penelitian yang telah dijalankan. Sebagaimana yang tertera pada skrin sekarang, di antara **05 Disember 2021 sehingga 11 Disember 2021**, Alhamdulillah, **tidak ada mukim mempunyai lebih daripada 80 kes**. Walau bagaimanapun, satu mukim mempunyai kes melebihi 40 kes iaitu **Mukim Sengkurong (44 kes)**.

(epidemic map on screen)

8. Bagi Operasi Peralihan yang dijalankan dari jam 10 malam hingga 4 pagi tadi, **sebanyak 1 pelanggaran arahan** telah dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara di mana **ianya** adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.

9. Marilah kita berdoa kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala agar Negara Brunei Darussalam terus terpelihara dan terselamat dari penyakit khususnya wabak COVID-19 dan semoga rakyat dan penduduk di negara ini sentiasa dirahmati dan dilindungi Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

Sekian, terima kasih.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 08 Jamadilawal 1443H / 13 Disember 2021